

**STRATEGI PENTERJEMAHAN ASPEK BUDAYA DALAM KARTUN LAT:
BUDAK KAMPUNG
TRANSLATION STRATEGY OF CULTURAL ASPECTS IN LAT CARTOONS:
*THE KAMPUNG BOY***

Sarinah Sharif¹ & Saliza Ismail²

¹ & ²Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

¹sarinah@salam.uitm.edu.my

²salizai@salam.uitm.edu.my

Article history:

Received: 30 March 2021

Accepted: 30 May 2021

Published: 2 June 2021

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan penterjemahan unsur-unsur budaya Melayu ke dalam bahasa Jepun dengan memberi fokus kepada prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam kartun *Budak Kampung* (*The Kampung Boy* カンポンボーイ). *The Kampung Boy* ialah sebuah buku grafik biografi karya kartunis terkenal Dato' Lat. Buku ini berkisar kehidupan Dato' Lat di zaman kanak-kanaknya di sebuah kampung di Lembah Kinta, Perak pada tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an. Terdapat kisah-kisah kehidupan keluarga di luar bandar dan adat resam tradisional Melayu. Buku ini telah diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada tahun 1979 dan kemudiannya telah diterjemahkan kepada beberapa bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Perancis dan bahasa Jepun. Data kajian dalam kertas kerja ini telah diambil daripada buku terjemahan bahasa Jepun カンポンボーイ (kanponbōi) yang telah diterjemah pada tahun 2014. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kategori unsur budaya yang terdapat dalam *Budak kampung* dan seterusnya menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya yang digunakan dalam カンポンボーイ (kanponbōi). Kertas kerja ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis konten di mana unsur budaya dianalisis berdasarkan prosedur terjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988) iaitu penggantian, pinjaman, naturalisasi, Penggantian, pinjaman, naturalisasi, 'couplet' atau 'triplet' dan 'quadruplet', generalisasi, deskriptif dan fungsian, pengembangan, kesetaraan budaya dan kompensasi. Dan juga prosedur terjemahan oleh Abdullah & Ainon Mohd (2007) iaitu unsur budaya yang dikekalkan, unsur budaya yang dihilangkan dan unsur budaya yang disesuaikan. Sebanyak enam (6) unsur budaya telah dipilih iaitu yang berkaitan dengan kelahiran, cukur kepala, bersunat, mengaji al-Quran, permainan tradisional dan perkahwinan. Enam unsur budaya ini dipilih berdasarkan kategori budaya yang disenaraikan Newmark iaitu kategori budaya sosial dan budaya adat resam/ideologi. Dapatan kajian mendapati penterjemah cenderung menggunakan teknik pinjaman berserta nota penerangan berbanding teknik-teknik yang lain iaitu sebanyak enam (6) sampel daripada dua belas (12) sampel yang dipilih. Sampel yang diterjemah dengan strategi pinjaman ini merupakan unsur budaya dalam kategori Budaya Adat Resam/Ideologi. Sementara lima (5) daripada sampel menggunakan teknik penggantian dan satu (1) sampel menggunakan strategi generalisasi.

Kata kunci: Kampong Boy, budaya, Bahasa Melayu (SL), Bahasa Jepun (TL), Prosedur Terjemahan

Abstract

*This paper discusses the translation of the Malay cultural elements into Japanese by focusing on the translation procedure used by a translator in the cartoon *Budak Kampung* (*The Kampung Boy* カンポンボーイ). *The Kampung Boy* is a biographical graphics book of the famous cartoonist work of Dato' Lat. The book revolves around Dato' Lat's childhood in a village located in Kinta Valley, Perak. The story takes place in the 1950s and early 1960s. There are stories of family lives in the rural and traditional customs. The book was published in Malay and English in 1979 and subsequently translated into several languages such as Arabic, French, and Japanese. The data in this paper was taken from the Japanese translation book カンポンボーイ (Kanponbōi) which has been translated in 2014. Two (2)*

objectives have been outlined for this paper, which is to identify the category of cultural elements of twelve (12) selected samples from six (6) cultural elements and to identify translation procedures used by translators in translating cultural elements found in the book カンポンボーイ (Kanponbōi). This paper is a qualitative study that uses the contents analysis method where cultural elements are analyzed based on translation procedures submitted by Newmark (1988) namely replacement, loan, naturalization, 'couplet' or 'triplet' and 'quadruplet', generalization, descriptive and functional, expansion, cultural equality, and compensation. As well as translation procedures by Abdullah & Ainon Mohd (2007), the cultural elements that are maintained, the elements of culture are eliminated and the cultural elements are adapted. A total of six (6) cultural elements have been selected which are related to birth, head shaving, circumcision, studying the Quran, traditional and marriage games. Six cultural elements are selected based on the cultural category listed Newmark, the category of social culture, and custom culture/ideology. The findings show that translators tend to use loan techniques with explanatory notes compared to other techniques of six (6) samples from twelve (12) selected samples. The sample translated with this loan strategy is a cultural element in the category of custom culture/ideology. While five (5) samples use replacement techniques and one (1) sample using a generalization strategy.

Keywords: *Kampung Boy, culture, Malay (SL), Japanese (TL), translations procedure*

1. PENGENALAN

Kampung Boy ialah sebuah novel grafik autobiografi karya kartunis Malaysia, Datuk Mohd Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai Datuk Lat. *The Kampung Boy* yang telah diterbitkan julung kalinya dalam bahasa Melayu dan Inggeris pada tahun 1979, merupakan satu kejayaan komersial di mana percetakan pertama telah habis dijual dalam tempoh empat bulan pelancarannya (Kosmo Online, siaran 16 Mac 2011). *The Kampung Boy* telah menjadikan Datuk Lat sebagai seorang tokoh antarabangsa dan kartunis yang dipandang tinggi di Malaysia. Beliau telah memenangi beberapa anugerah apabila buku ini telah dikeluarkan sebagai *Kampung Boy* di Amerika Syarikat, seperti *International Outstanding Book* bagi tahun 2007 dan Majlis Buku Kanak-kanak dan Senarai Buku Pilihan Penyunting bagi tahun 2006. *Kampung Boy* menjadi francais, dengan watak-wataknya menghiasi kalendar, setem, dan kapal terbang.

The Kampung Boy mengisahkan kehidupan Datuk Lat yang menghabiskan zaman kanak-kanaknya di sebuah kampung di Lembah Kinta pada 1950-an dan awal 1960-an, termasuk sekali kisah-kisah kehidupan keluarga di luar bandar, adat resam kekeluargaan tradisional, pendidikan awal Datuk Lat dan kegiatan-kegiatan luar bersama "Meor bersaudara" yang bersahabat dengan Datuk Lat di sekolah agama. Buku ini diakhiri dengan Datuk Lat meninggalkan kampung untuk memasuki sekolah berasrama di Ipoh.

The Kampung Boy begitu popular di Asia Tenggara dan telah melalui 16 cetakan semula. Buku ini kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa lain, seperti Jepun dan Perancis, dan dijual di luar negara. Menariknya, edisi Amerika Syarikat keluaran *First Second Books* pada tahun 2007 didapati berbeza sedikit daripada edisi asalnya, iaitu satu kisah di mana watak Mat dirotan oleh bapanya yang naik berang, terpaksa diubah dan dilukis semula untuk mengurangkan unsur keganasan dalam versi Amerika. Ini merupakan salah

satu contoh langkah yang diambil oleh penterjemah apabila menterjemah teks atau gambar yang mempunyai unsur budaya.

カンボンボーイ (kanponbōi) adalah terjemahan ke bahasa Jepun oleh Naoki Souda dan Natsue Hieda. Buku ini diterjemahkan pada tahun 2014 dan diterbitkan hasil usaha sama Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) dan Tokyo University of Foreign Studies. Berbeza dengan edisi bahasa Inggeris, *Kampung Boy* terjemahan bahasa Jepun mempunyai ulasan penterjemah yang menerangkan latar belakang kisah di dalam buku ini termasuk asal usul *Datuk Lat* sendiri. Ulasan penterjemah dimuatkan di muka surat belakang buku. Secara tidak langsung ini dapat membantu pembaca sasaran mendapat lebih kefahaman mengenai kandungan buku ini.

Penterjemah seharusnya sentiasa sedar bahawa apabila menterjemah, misalnya menterjemah bahasa Melayu ke bahasa Inggeris, pembaca teks sasaran ialah orang yang tidak boleh membaca dalam bahasa Melayu. Justeru itu mereka akan memahami teks tersebut berdasarkan pengetahuan bahasa Inggeris juga. Hal ini merupakan suatu hal yang penting dan mempunyai pengaruh besar terhadap teknik-teknik terjemahan yang digunakan.

2. SOROTAN LITERATUR

Proses penterjemahan hakikatnya tidak hanya melibatkan pertukaran dari satu bahasa kepada satu bahasa yang lain, tetapi juga menyentuh aspek komunikasi silang budaya. Seorang penterjemah yang baik seharusnya memahami bahasa sumber bukan hanya dari segi linguistik, tetapi juga dari segi latar belakang budayanya. Unsur budaya merupakan aspek yang amat penting dalam kerja-kerja menterjemah.

Pendapat ini disokong dengan kenyataan Bassnett (2002, p. 6) seperti berikut,

...translations is not just the transfer of texts from one language into another, it is now rightly seen as a process of negotiation between texts and between cultures, a process during which all kinds of transactions take place mediated by the figure of the translator...

Kini proses penterjemahan bukan hanya melibatkan pemindahan teks dari satu bahasa ke bahasa lain, tetapi sebagai proses rundingan antara teks dan antara budaya. Proses di mana semua jenis transaksi akan diambil kira oleh penterjemah. Sementara menurut Goh Sang Seong (2007) penterjemahan adalah satu proses yang berpotensi membenarkan pertukaran budaya dan kerja import-eksport nilai-nilai bahan budaya serta

pengaruh budaya. Hal ini bermakna penterjemahan sebenarnya merupakan interaksi antara dua budaya yang berbeza dan seterusnya menggalakkan persefahaman antara budaya.

Seorang penterjemah harus menangani teks bahasa sumber (SL) dengan memastikan bahawa versi bahasa sasaran (TL) bersesuaian dengan versi bahasa sumber (SL), dan untuk menerapkan nilai budaya SL dengan budaya TL adalah sesuatu tindakan yang agak berisiko. Justeru itu, apabila menterjemah, adalah penting bagi penterjemah untuk mempertimbangkan bukan sahaja kesan leksikal pada pembaca TL, tetapi juga cara bagaimana aspek budaya dapat dilihat dan seterusnya membuat keputusan menterjemahkannya dengan sewajarnya.

Funada (2019) dalam kajiannya dalam Sejarah dan Isu-isu Penterjemahan Karya Sastera Indonesia-Jepun telah menyenarai dan menghuraikan beberapa kesukaran yang dialami oleh penterjemah ialah kesukaran menterjemah unsur budaya seperti nama makanan dan minuman. Beliau telah memberi contoh untuk menterjemah menú ‘nasi goreng’ kedalam bahasa Jepun. Tiga (3) kaedah telah dicadangkan iaitu;

- 1) Meminjam istilah ‘nasi goreng’ dengan ナシゴレン(nashi goren).
- 2) Menjelaskan makna dengan huraian mengenai nasi goreng seperti menghuraikan cara penyediaan dan sebagainya.
- 3) Meminjam istilah ‘nasi goreng’ dengan ナシゴレン(nashi goren) dengan nota tambahan pada hujung teks.

Sementara itu Nida (1964) ketika membincangkan permasalahan dalam penterjemahan menegaskan bahawa perbezaan linguistik dan perbezaan budaya antara SL dan TL adalah sama pentingnya. Malahan Nida telah menyimpulkan bahawa perbezaan budaya akan memberi komplikasi yang lebih besar kepada penterjemah berbanding perbezaan linguistik. Namun tambah Nida (1964) lagi, dalam konteks kebudayaan yang lebih besar, perkara yang menjadi kepentingan utama adalah untuk memahami maksud atau mesej yang ingin disampaikan. Jurang kebudayaan antara SL dan TL seringkali menjadi isu penting yang perlu disedari oleh penterjemah apabila mereka mempersembahkan maksud perkataan secara harfiah atau kiasan kerana makna tersebut mempunyai pelbagai konotasi dan implikasi dalam persekitaran kebudayaan yang berbeza.

Newmark (1988) telah mentafsirkan budaya sebagai cara hidup dan manifestasi yang khusus kepada sesebuah komuniti yang menggunakan bahasa tertentu sebagai cara mengekspresikannya. Newmark juga turut membincangkan konteks penterjemahan budaya berdasarkan kategori budaya yang diadaptasi daripada kategori budaya oleh Nida (1969). Menurut Newmark (1988) lagi beberapa perkara perlu dipertimbangkan sebe-

lum menterjemahkan unsur budaya. Hal ini termasuklah pengiktirafan terhadap budaya asing yang terdapat dalam teks sasaran bagi menghormati negara dan budaya asing yang terlibat dalam terjemahan tersebut.

Newmark telah menyenaraikan beberapa kategori budaya berserta contoh-contohnya sekali, seperti berikut:

- 1) **Ekologi** ialah budaya yang berkaitan dengan struktur dan fungsi alam, serta manusia sebagai sebahagian daripada alam persekitaran semula jadi.
- 2) **Budaya Material** ialah budaya yang berkaitan dengan material seperti makanan, pakaian dan bangunan.
- 3) **Budaya Sosial** ialah budaya yang berkaitan pekerjaan dan hiburan.
- 4) **Budaya Adat Resam/Ideologi** iaitu budaya yang berkaitan dengan politik dan pentadbiran, agama dan seni.
- 5) **Perlakuan dan gerak laku** ialah budaya yang berkaitan dengan gerak tubuh manusia dan tabiat seharian.

Newmark turut mencadangkan beberapa strategi atau teknik (seterusnya penulis akan menggunakan perkataan **teknik**) untuk untuk menterjemah unsur-unsur budaya yang terdapat dalam teks SL:

- 1) **Penggantian** atau terjemahan harfiah merupakan terjemahan kata demi kata yang pada akhirnya akan disesuaikan mengikut struktur ayat bahasa sasaran untuk mendapatkan terjemahan yang lebih sejadi.
- 2) **Pinjaman** ialah proses memindahkan perkataan sesuatu bahasa ke dalam bahasa lain. Proses ini juga disebut sebagai transkripsi atau kata pinjaman (Newmark, 1988, p. 81).
- 3) **Naturalisasi** ialah teknik di mana perkataan yang berunsur budaya (*cultural word*) dari SL di serap ke TL dengan penyesuaian bunyi maupun ejaannya. Hal ini berlaku apabila suatu perkataan itu tiada padanannya yang bertepatan dalam TL, dan mesej atau makna yang dimaksudkan penulis SL perlu dipertahankan.
- 4) **'Couplet' atau 'Triplet' dan 'Quadruplet'**, ketiga-tiga teknik ini dilakukan dengan menggabungkan beberapa teknik terjemahan yang berbeza dalam satu masa: 'Couplet' menggabungkan dua teknik terjemahan (misalnya, naturalisasi dengan terjemahan deskriptif); seterusnya 'Triplet' untuk gabungan tiga teknik; dan 'Quadruplet', gabungan empat teknik untuk menterjemah sebuah istilah yang bermasalah.
- 5) **Generalisasi**, teknik ini dilakukan dengan penggantian kata SL yang mempunyai makna lebih sempit dengan kata TL dengan makna lebih luas. Dengan kata lain, generalisasi merupakan teknik parafrasa dalam tingkatan perkataan.

- 6) **Deskriptif dan Fungsian.** Teknik ini digunakan untuk menerangkan unsur-unsur budaya dengan cara menghuraikan ukuran, warna, dan komposisi (deskriptif) atau aspek fungsian terhadap unsur budaya tersebut (fungsional).
- 7) **Pengembangan** dengan nota adalah teknik yang dilakukan dengan cara memberi penjelasan tambahan tentang aspek-aspek budaya tertentu bagi sebuah terminologi melalui catatan nota kaki.
- 8) **Kesetaraan Budaya** (*Cultural Equivalence*) dilakukan dengan menterjemahkan sesuatu '*cultural word*' ke dalam persamaan kata yang paling hampir dan paling lazim dalam TL.
- 9) **Kompensasi** adalah teknik digunakan untuk mengatasi kehilangan makna tertentu seperti, kesan bunyi, kesan pragmatik, atau metafora dalam salah satu bahagian teks SL.

Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2010) telah mencadangkan beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk menterjemah istilah yang mempunyai latar belakang unsur budaya setempat seperti berikut,

- 1) Unsur budaya itu dikekalkan
Dalam teknik ini, unsur budaya itu dikekalkan dalam terjemahannya seperti contoh, unsur *snow* dalam istilah *snow white* dan boleh dikekalkan menjadi *salji putih*.
- 2) Unsur budaya itu dihilangkan
Mengikut kaedah ini unsur budaya itu digantikan dengan perkataan yang menerangkan maknanya yang sebenar. Sebagai contoh istilah *snow white* boleh diterjemah menjadi *putih melepak* ataupun *sangat putih*.
- 3) Unsur budaya itu disesuaikan semula
Ada masanya, sesuatu istilah dalam SL itu seolah-olah mempunyai padanannya dalam TL. Sebagai contoh ialah istilah bahasa Inggeris (SL) *young wife* dan *old wife*, yang dalam bahasa Melayu (TL) terdapat istilah *isteri muda* dan *isteri tua*.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini menggariskan objektif yang perlu dicapai sebagaimana berikut:

- i. Mengenalpasti kategori unsur budaya dua belas (12) sampel yang dipilih daripada enam (6) unsur budaya yang terdapat dalam buku *カンボンボーイ* (kanponbōi).
- ii. Mengenal pasti prosedur penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah unsur budaya yang terdapat dalam buku *カンボンボーイ* (kanponbōi).

4. METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis konten, perbandingan, menganalisis butiran budaya berdasarkan teori-teori penterjemahan, teori semantik dan teori sosiolinguistik. Perbandingan juga dilakukan untuk mengenal pasti teknik-teknik terjemahan yang diguna pakai oleh penterjemah dalam menterjemahkan unsur budaya dalam karya ini. Kertas kerja ini berpandukan kepada teknik terjemahan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh terjemahan iaitu Newmark (1988) dan Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2007).

Sebanyak dua belas (12) sampel daripada enam (6) unsur budaya telah dipilih iaitu yang berkaitan dengan kelahiran, cukur kepala, bersunat, mengaji Al-Quran, permainan tradisional dan perkahwinan. Enam unsur budaya ini dipilih berdasarkan kategori budaya yang disenaraikan Newmark iaitu kategori budaya sosial dan budaya adat resam/ideologi.

5. ANALISIS DATA

Analisis kajian dibuat berdasarkan enam unsur budaya yang telah dipilih iaitu:

1. Kelahiran

No.	Teks Sumber (ST)	Teks Terjemahan (TT)	Kategori Budaya
1.a	Mak bidannya ialah opah teman sendiri. Opah memang menjadi bidan rasmi dikampung teman sejak dia muda-muda lagi.	とりあげてくれたのは、ぼくのおばあちゃん。おばあちゃんは、まだとても若いころからカンボンで産婆をやっていた。 <i>Toriagetekuretano wa, boku no obaachan. Obaachan wa, mada totemo wakai koro kara sanba o yatte ita.</i>	Budaya Sosial
1.b	Dibawaknya teman ke anjung di mana bapak melafazkan azan ke telinga teman sebagaimana yang dibuat oleh bapak-bapak lain pada anak mereka yang baru lahir.	父さんは、ぼくをかかえて広間に行き、耳元でアザーンをとなえた。ほかのお父さんたちが、生れたばかりの子どもにやってあげるようにね。アザーンっていうのは、イスラームのお祈りへのよびかけたことなんだ。	Budaya Resam/Ideologi Adat

*Tousan wa, boku okakaete hiroma ni
 iki, mimimoto de azaan o tonaeta. Hoka-
 no otousan tachi ga, umareta bakari no
 kodomo ni yatte ageruyouni ne. Azan tte
 iuno wa, Isuramu no oinori e no yobika-
 ketanokoto nanda.*

Sampel 1.a **bidan** (kampung) telah diterjemahkan sebagai *sanba* (産婆), kedua-duanya memberi makna yang sama. Penterjemah menggunakan **teknik penggantian** atau **teknik terjemahan harfiah**. **Bidan** ialah orang (biasanya perempuan) yang mempunyai kemahiran untuk membantu ibu sewaktu melahirkan anak. **Bidan kampung** pula ialah wanita di kampung yang mempunyai kemahiran untuk membantu seseorang ibu melahirkan anak (sungguhpun tidak terlatih secara khusus tentang ilmu perbidanan). Sementara *Sanba* (産婆) merupakan seorang perempuan yang membantu proses kelahiran daripada sebelum kelahiran sehingga selepas kelahiran. Sudah menjadi kelaziman *sanba* akan mendapatkan bantuan daripada perempuan yang berpengalaman di daerah dia bertugas. Perempuan-perempuan itu diberi gelaran *Toriage Baba* atau *Hikiage Baba* di setengah-setengah daerah.

Dan sampel 1.b **azan** telah diterjemah sebagai *azaan* (アザーン). **Azan** ialah kalimat-kalimat tertentu yang dilaungkan untuk memanggil orang bersembahyang. Penterjemah didapati menggunakan **teknik pinjaman** dimana perkataan **azan** (SL) digunakan semula sebagai *azaan*. Sebagai penambahan penterjemah turut memberi nota iaitu *Azan tte iuno wa, Isuramu no oinori e no yobikaketanokoto nanda* (panggilan untuk mengerjakan solat/sembahyang dalam Islam).

2. Cukur Jambul

No.	Teks Sumber (ST)	Teks Terjemahan (TT)	Kategori Budaya
2.a	Maka selepas 45 hari, setelah tamatnya pantang emak, teman telah menjalani satu istiadat iaitu istiadat cukur kepala dan naik buaian.	お産のあとの44日間はパンタンという期間。お母さんたちがからだを休めるためにいろいろなきまりがある。 お産から45日がたって、 <u>パンタン</u> が終わると、ぼくはある儀式をうけた。神に毛をそってもらい、ハンモックにのせてゆらされるという儀式だ。 <i>Osan no ato no 44 nichikan wa pantan toiu</i>	Budaya Resam/Ideologi Adat

kikan. Okaasan tachiga karada oyasumeru tameni iroiro na kimari ga aru. Osan kara45 nichi ga tatte, pantan ga owaruto, boku wa aru gishiki o uketa. Kamenoke o sottemorai, hanmokku ni nosete yurasareru toiu gishiki da.

2.b	Setengah dari para jemputan tadi pun mula menyanyi marhaban .	お客さんたちのなかから、 <u>[マルハバン]</u> の歌声がひびきはじめた。預言者ムハマドをたたえる歌だ。 <i>Okyakusantachi no naka kara, 'Maruhaban' no utagoe ga hibikihajimeta. Yogensha Muhanmado o tataeru uta da.</i>	Budaya Resam/Ideologi	Adat
-----	--	--	--------------------------	------

Dalam masyarakat Melayu, ibu-ibu selepas melahirkan akan mengamalkan **pantang** atau larangan daripada melakukan perkara atau perbuatan tertentu dalam tempoh 44 hari. Sampel 2.a **pantang** diterjemahkan sebagai *pantan* (パンタン) dalam TL. Penterjemah didapati menggunakan **teknik pinjaman** dengan menggunakan perkataan asal (SL) iaitu *pantan* (パンタン). Penterjemah telah menambah nota sebagai penerangan tambahan iaitu *Okaasan tachiga karada oyasumeru tameni iroiro na kimari ga aru* (Pelbagai ketetapan yang perlu dipatuhi oleh ibu-ibu bertujuan merehatkan badan).

Marhaban ialah nyanyian puji-pujian yang dilagukan oleh orang Islam untuk memuji-muji junjungan Rasulullah saw. Biasanya semasa perayaan Maulidur Rasul, kenduri kendara dan sebagainya. Dalam konteks sampel 2.b **marhaban** dinyanyikan semasa mendodoikan Mat dalam istiadat naik buaian. **Marhaban** telah diterjemahkan sebagai *maruhaban* (マルハバン), dimana penterjemah telah **meminjam** (teknik pinjaman) perkataan asal **marhaban** kepada *maruhaban*. Penterjemah seterusnya menambah nota penerangan iaitu *Yogensha Muhanmado o tataeru uta da* (Nyanyian memuji nabi Muhammad).

Ahmad, panggilan berubah daripada panggilan tuan kepada ustaz apabila Mat dengan rasminya menjadi anak didik Tuan Syed Ahmad. Penterjemah telah menterjemahkan perkataan **Tuan** kepada *sensei* (先生). *Sensei* ialah panggilan hormat yang diberikan kepada mereka yang berpengetahuan mengajar di sekolah atau di pusat-pusat pengajian. Panggilan *sensei* juga untuk mereka yang berpengetahuan seperti doktor dan peguam (Goo Jisho). Penterjemah didapati menggunakan **teknik generalisasi** di mana perkataan **Tuan** yang membawa makna yang lebih sempit iaitu nama panggilan kepada mereka yang dihormati tetapi perkataan *sensei* merupakan nama panggilan untuk orang berpengetahuan yang dihormati dan mengajar kepada orang lain.

4. Bersunat (Berkhatan)

No.	Teks Sumber (ST)	Teks Terjemahan (TT)	Kategori Budaya	
4.a	Dengan tiba-tiba satu hari teman dapat tahu masa untuk teman disunatkan telah sampai. Umur teman masa itu hampir 10 tahun. Memang berita itu tidak berapa mengembirakan tetapi teman tau setiap orang terpaksa menempuhnya	そろそろ 割礼 をする時期だって。僕は、10歳になろうとしていた。たしかに、その知らせは、あまりうれしいものじゃなかったよ。でも、だれでもやらなきゃいけないことになって、わかった。 <i>Sorosoro kasurei o suru jiki datte. Boku wa, 10sai ni narou to shite ita. Tashika ni, sono shirase wa, amari ureshii mono janakatta yo. Demo, dare demo yaranya ikenai koto ni datte, wakatteta.</i>	Budaya Resam/Ideologi	Adat
4.b	Sebelum itu dia telah menjam-pi 'cokelat'nya tu supaya setelah mengunyahkannya nanti kami tak akan sakit masa bersunat.	チョコレート」に、前もって 呪文 かけておいてくれたんだ。割礼の時痛くならないように、ってね。 <i>'Chokoreeto' ni, mae motte jumon o kakete oite kuretan da. Kasurei no toki itakunaranai you ni, tte ne.</i>	Budaya Resam/Ideologi	Adat

Bersunat atau berkhatan atau masuk jawi adalah merupakan aktiviti yang berkaitan dengan agama Islam. Hanya orang lelaki Islam sahaja wajib melakukannya. Dalam Sampel 4.a di atas penterjemah telah menterjemah perkataan **sunat** menggunakan **teknik penggantian** atau **teknik terjemahan harfiah** kepada *kasurei* (割礼). *Kasurei* memberi maksud yang sama dengan perkataan **sunat**. Walaupun tidak ramai daripada

orang yang beragama Islam daripada kalangan masyarakat Jepun, tetapi amalan ini telah menjadi pengetahuan umum. Justeru terdapat perkataan yang mempunyai maksud yang sama.

Jampi merupakan kata-kata tertentu yang diucapkan untuk mendatangkan kesaktian (seperti boleh menyembuhkan penyakit dan lain-lain) (Kamus Dewan Edisi Ke-4). **Jampi** dalam konteks sampel 4.b telah dibaca pada sireh semasa upacara bersunat, supaya kesakitan yang dialami Mat dan kawan-kawannya akan berkurangan. Pada masa sekarang jampi atau mentera adalah daripada ayat-ayat al Quran. Penterjemah didapati menggunakan **teknik penggantian** atau **teknik terjemahan harfiah** untuk menterjemah perkataan jampi kepada *jumun* (呪文). *Jumun* membawa maksud yang sama dengan **jampi**.

5. Perkahwinan

No.	Teks Sumber (ST)	Teks Terjemahan (TT)	Kategori Budaya
5.a	Teman sekeluarga telah mengikut rombongan mempelai bagi menghantarnya ke upacara akad nikah di rumah pengantin perempuan.	僕らの家族は、花むこの一行と一緒に、花よめの家でひらかれる アカ・ニカ という結婚のちかいの儀式にいったんだ。 <i>Bokura no kazoku wa, hanamuko no ikko to issho ni, hanayome no ie de hirakareru aka.nika toiu kekkono chikai no gishiki ni ittan da.</i>	Budaya Resam/Ideologi Adat
5.b	Di dalam rumah, Tok Kadhi , para jemputan dan saksi-saksi telah menunggu.	家の中では、 カーデー と呼ばれるイスラーム法の裁判官、招待客、それに証人たちが待っていた。 <i>Ie no naka dewa,kaadii to yobareru isuraamu hou no saibankan,shotaikyaku ,sore ni shounintachi ga matte ita.</i>	Budaya Sosial

Akad nikah merupakan perjanjian dalam perkahwinan (dilakukan oleh wali pengantin perempuan atau wakilnya dan pengantin lelaki atau wakilnya) (Kamus Dewan Edisi Ke-4). Dalam sampel 5.a, Mat menghadiri majlis perkahwihan saudaranya dikampung berhampiran. Upacara akad nikah telah diterjemahkan oleh penterjemah sebagai *aka nika* (アカ・ニカ). Penterjemah turut menambah nota penerangan iaitu *kekkono chikai no gishiki* (upacara perjanjian perkahwinan).

Penterjemah dilihat menggunakan teknik yang sama iaitu **teknik pinjaman** dengan nota penerangan tambahan untuk menterjemah sampel 5.b iaitu **Tok Kadhi**. Tok Kadhi berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ke-4 merupakan hakim dalam perkara yg berkaitan dengan agama Islam (seperti mengurus soal pernikahan dan perceraian orang Islam, membicarakan orang yang dituduh melanggar hukum Islam, dan sebagainya). Dalam konteks sampel 5.b ialah orang yang menjalankan upacara akad nikah. Penterjemah telah meminjam perkataan asal **tok kadi** dan menterjemahkannya kepada *kaadai* (カーデイー) dengan nota tambahan iaitu *isuraamu hou no saibankan* (Hakim dalam urusan perundangan orang Islam).

6. Permainan

No.	Teks Sumber (ST)	Teks Terjemahan (TT)	Kategori Budaya
6.a	Tengok tu, adik teman yang bongsu , Abdul Rahman.	ほら見て、... <u>末っ子</u> の弟、アブドウル・ラーマンだ。 <i>Hora mite, ...suekko no otouto, Abudouru. Raaman da.</i>	Budaya Sosial
6.b	Hari-hari dia suruh teman tarik dia atas upih pinang .	毎日、弟は、 <u>ピンロウの木</u> の葉っぱの上に乗せてひっぱってって、せがむんだ。 <i>Mainichi, otouto wa, binrou no ki no happa no ue ni noseete hipattette, segamunda.</i>	Budaya Ekologi

Sampel 6.a **bongsu** adalah merujuk kepada adik **bongsu** Mat. **Bongsu** bermaksud yang paling muda dan yang paling akhir. **Anak bongsu** merupa anak yang paling muda dikalangan adik beradik paling akhir dilahirkan. Penterjemah menterjemahkan perkataan **bongsu** dengan menggantikan dengan *suekko* (末っ子) dengan maksud yang sama iaitu anak termuda dan terakhir. Penterjemah didapati menggunakan **teknik penggantian** atau **teknik terjemahan harfiah**. Walau bagaimanapun, penterjemah turut menambah maklumat *otouto* (弟) kepada teks terjemahan yang bermaksud adik lelaki.

Penterjemah juga dilihat menggunakan **teknik penggantian** untuk menterjemah sampel 6.b **upih pinang** kepada *binrou no ki no happa* (ピンロウの木の葉っぱ) yang mempunyai maksud daun sejenis pokok pal-

ma. **Upih pinang** merupakan pangkal pelepah daun yang lebar dan tipis (pada pokok palma seperti pokok pinang) (Kamus Dewan Edisi Ke-4).

Secara keseluruhan kajian ini mendapati penterjemah telah menggunakan beberapa teknik terjemahan dalam menterjemahkan dua belas (12) sampel daripada enam (6) unsur budaya seperti berikut;

7.1 Jadual kategori budaya berbanding teknik terjemahan

No.	Teks Sumber (ST)	Teks Sasaran (TT)	Kategori Budaya	Teknik Terjemahan
1.a	bidan	<i>sanba</i>	Budaya Sosial	Teknik Penggantian
1.b	azan	<i>azaan</i>	Budaya Adat Resam/Ideologi	Teknik Pinjaman dengan nota
2.a	pantang	<i>pantan</i>	Budaya Adat Resam/Ideologi	Teknik Pinjaman dengan nota
2.b	marhaban	<i>maruhaban</i>	Budaya Adat Resam/Ideologi	Teknik Pinjaman dengan nota
3.a	tajuwid	<i>tajuwido</i>	Budaya Adat Resam/Ideologi	Teknik Pinjaman dengan nota
3.b	tuan	<i>sensei</i>	Budaya Sosial	Teknik Generalisasi
4.a	sunat	<i>katsurei</i>	Budaya Adat Resam/Ideologi	Teknik Penggantian
4.b	jampi	<i>jumon</i>	Budaya Adat Resam/Ideologi	Teknik Penggantian
5.a	akad nikah	<i>aka nika</i>	Budaya Adat Resam/Ideologi	Teknik Pinjaman dengan nota
5.b	tok kadhi	<i>kaadii</i>	Budaya Sosial	Teknik Pinjaman dengan nota
6.a	bongsu	<i>suekko no otouto</i>	Budaya Sosial	Teknik Penggantian
6.b	upih pinang	<i>binrou no ki no happa</i>	Budaya Ekologi	Teknik Penggantian

Penterjemah didapati cenderung menggunakan **teknik pinjaman** lebih banyak berbanding teknik-teknik yang lain iaitu sebanyak enam (6) sampel daripada dua belas (12) sampel yang dipilih. Penterjemah telah meminjam perkataan asal (ST) dan menggunakannya dalam TL. Disamping itu penterjemah juga didapati telah menambah nota penerangan dalam hasil terjemahannya (TL). Sampel yang diterjemah dengan teknik pinjaman ini merupakan unsur budaya dalam kategori **Budaya Adat Resam/Ideologi**. Kesukaran mencari padanan dalam TL menyebabkan penterjemah meminjam perkataan asal. Nota penerangan ditambah supaya pembaca sasaran akan lebih faham dan mesej dapat disampaikan.

Sementara lima (5) daripada sample menggunakan **teknik penggantian** dan satu (1) sampel menggunakan **teknik generalisasi**.

Dalam kajian ini didapati penterjemah juga telah menggunakan kaedah penterjemahan unsur budaya yang disarankan oleh Abdullah & Ainon Mohd (2010, p. 174) di mana unsur budaya dalam teks sumber telah dikekalkan. Penggunaan istilah yang sama (**teknik pinjaman**) bersama-sama nota penerangan bertujuan supaya makna sebenar unsur budaya tersebut dapat disampaikan dengan tepat. Ini boleh dilihat dalam Jadual 7.1, no 1.b, 2.a, 2.b, 3.a, 5.a, dan 5.b. Kaedah ketiga iaitu penyesuaian dan penggantian (**teknik penggantian**) dengan padanan yang terdekat juga telah menjadi pilihan penterjemah sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 7.1 no.1.a, 3.b, 4.b, 6.a dan 6.b. Walaupun padanan yang digunakan berkemungkinan kurang tepat tetapi ia tidak akan menjejaskan makna keseluruhan teks.

7. KESIMPULAN

Melihat pada kajian ini, didapati penterjemahan unsur budaya bukan suatu perkara yang mudah. Ia merupakan suatu cabaran yang harus mendapat perhatian yang sewajarnya daripada penterjemah. Pemahaman yang jelas tentang kedua-dua budaya sumber dan sasaran akan membantu penterjemah dalam menentukan prosedur terjemahan yang sesuai untuk diaplikasi dalam mencari padanan bagi sesuatu unsur budaya. Pemilihan prosedur terjemahan yang sesuai menjadi faktor utama kepada kejayaan sesuatu terjemahan dalam menyampaikan mesej sumber kepada pembaca sasaran.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, & Ainon Mohd. (2010). *Teori dan Teknik Terjemahan*. PTS Publication.
- Bassnett, S. (2002). *Translation Studies*. Routledge.
- DBP Kamus Online. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>
- Goh, S. S. (2007). *Kebolehterjemahan Aspek-aspek Budaya dalam Terjemahan: Shui Hu Zhuan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM.
- Goo Jisho (Online Dictionary). <https://dictionary.goo.ne.jp>
- Funada, K. (2016). Sejarah dan Isu-isu Penterjemahan Karya Sastra Indonesia-Jepun. Dalam Mazlan Ahmad, et al. (2020). *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(3), 17-31.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. Prentice Hall International.
- Nida, A. E. (1964). *Toward a Science of Translation*. E.J. Brill.

Noor Eliza Abdul Rahman, et al. (2015). Penterjemahan Unsur Budaya Dalam Sari Kata Drama *Flag of Truth*. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*.

Maheram Ahmad (2013). *Menterjemah Unsur Budaya*.
<https://www.slideshare.net/maheramahmad7/menterjemah-unsur-budaya>

Mohd. Nor Khalid, (1997). *Kampong Boy*. Berita Publishing Sdn.Bhd.

Roni Hidayat Ridwan. (2011). Kampong Boy, komik ke muzikal. *Kosmo Online*.

Soda, N. & Hieda, N. (2014). *Kanponboi*. Tokyo University of Foreign Studies Press.